Syarat istito'ah pandu bakal jemaah berdisiplin menabung

Oleh Dr Mohamed Hadi Abd Hamid dan Dr Mohd Zaidi Md Zabri -
Oktober 2, 2026 @ 2:49pm



Dapatkan berita ringkas di sini
Ringkaskan untuk saya

BAGI kebanyakan umat Islam, mengerjakan haji adalah cita-cita disemai sejak kecil, dipupuk sepanjang hidup dan diterjemahkan menerusi perancangan bertahun-tahun lamanya.

Namun, dalam keadaan kuota haji terbatas, kos terus meningkat dan jumlah bakal haji berdaftar semakin bertambah, persoalan siapa wajar didahulukan tidak lagi dapat ditentukan berdasarkan hasrat semata-mata.

Dalam Islam, kewajipan haji tidak hanya bersandarkan keinginan, tetapi juga kemampuan atau istito'ah. Prinsip ini mengingatkan haji bukan sekadar gagasan kerohanian, tetapi ibadah menuntut kesiapsiagaan dari segi kewangan, fizikal dan tanggungjawab terhadap keluarga.

Justeru, apabila sistem pengurusan haji menentukan siapa diberikan peluang untuk berangkat terlebih dahulu, persoalan wajar dikemukakan ialah sejauh mana sistem ini memenuhi prinsip istito'ah.

DISYORKAN

- **Penggunaan AI tanpa kawalan berisiko wujudkan ekonomi 'dua darjat'**
- **Antonelli bakal akhiri kemarau 73 tahun Itali**
- **'UNTAMED' filem dokumentari Harimau Selatan**
- **Belum ada bukti kukuh syarikat perladangan Malaysia jadi punca kebakaran hutan di Indonesia**

Persoalan ini perlu menjadi landasan dalam menilai reformasi sistem giliran haji yang diperkenalkan Tabung Haji (TH) menerusi Seruan Istito'ah.

Sejak diumumkan, polemik Seruan Istito'ah sering tertumpu pada syarat simpanan minimum RM15,000 untuk memperoleh kelayakan giliran haji secara automatik.

TERKINI

6m — PRN Sarawak: PBB perinci SOP, logistik bagi mantapkan persiapan kempen
13m — Projek Lingkaran Tengah Utama Seksyen 1B sepanjang 14.75km dijadual siap Disember 2028
17m — Johor Bahru 'berpesta' tiga hari dengan Karnival Jom Heboh
18m — Shuhaily kembali ke pasukan polis selepas penempatan di AKPS ditamatkan
22m — Kerajaan bayar RM155j selesai tuntutan pertikaian projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah
27m — Dua warga emas didakwa seret anjing dengan motosikal
28m — Terlantar 8 tahun akibat nahas, lelaki dapat ganti rugi RM1.94 juta
30m — Amir berguru di Jepun demi tiket Olimpik

TRENDING

NASIONAL 17 minit yang lepas — Shuhaily kembali ke pasukan polis selepas penempatan di AKPS ditamatkan
NASIONAL 27 minit yang lepas — Terlantar 8 tahun akibat nahas, lelaki dapat ganti rugi RM1.94 juta
ASIA sejam yang lepas — Cadangan baharu Qatar tamat perang AS-Iran tidak boleh diterima - Tehran
NASIONAL 2 jam yang lepas — GPS mampu bergerak solo, PH berdepan cabaran di Sarawak
WILAYAH 2 jam yang lepas — Sesak luar biasa: Perjalanan 6km cecah 5 jam
NASIONAL 4 jam yang lepas — JAWI perkenal kubur bertingkat, guna mesin takal turunkan jenazah

Ada yang melihatnya sebagai pembaharuan diperlukan, manakala sebahagian lain bimbang syarat itu bakal menyukarkan golongan berpendapatan rendah menunaikan rukun Islam kelima.

Kedua-dua pandangan ini mempunyai asas wajar dihormati. Namun, jika perbahasan hanya berkisar pada RM15,000, kita sebenarnya sedang melihat reformasi ini daripada sudut terlalu sempit.

Persoalan lebih mendasar ialah sama ada sistem giliran haji masih mencerminkan tahap kemampuan dan kesiapsiagaan bakal haji apabila tiba giliran mereka.

Sistem pendaftaran haji diamalkan selama ini memainkan peranan penting dalam membudayakan amalan menabung. Dengan simpanan minimum RM1,300, seseorang boleh terus mendaftar dan memperoleh nombor giliran, sekali gus mendorong umat Islam memulakan persediaan haji lebih awal.

Namun, dinamika semasa menuntut kita menilai semula sistem pernah berjasa ini. Walaupun kos menunaikan haji kini mencecah RM33,300 seorang bagi musim 2027, seseorang masih boleh memperoleh giliran dengan simpanan RM1,300.

Jurang antara syarat pendaftaran dengan kos sebenar haji, ditambah dengan pertambahan jumlah bakal haji berdaftar, menyebabkan tempoh menunggu dilaporkan melebihi 150 tahun, jauh melangkaui jangka hayat manusia.

Dalam keadaan ini, sistem yang sepatutnya menyusun keutamaan berdasarkan prinsip istito'ah akhirnya lebih mencerminkan hasrat daripada kesiapsiagaan.

Nombor giliran menjadi lambang harapan, tetapi belum tentu menandakan kemampuan untuk berangkat apabila tawaran diterima.

Impak ini dapat dilihat melalui laporan TH bagi 2025. Hampir separuh daripada bakal haji menerima tawaran dilaporkan terpaksa menolak atau menangguhkan keberangkatan ke tanah suci kerana simpanan tidak mencukupi.

Tujuan reformasi sistem giliran

Dalam konteks kuota Malaysia sebanyak 31,600 jemaah, keadaan ini memperlihatkan jurang ketara antara pendaftaran awal dengan kesiapsiagaan sebenar.

Implikasinya melangkaui kegagalan seseorang berangkat pada tahun berkenaan. Setiap penolakan mencetuskan proses pemilihan dan penawaran semula, sekali gus menambah beban operasi, meningkatkan kos pentadbiran dan memendekkan tempoh mengisi kuota tersedia.

Jika berlaku pada skala besar, keadaan ini menjejaskan kecekapan perancangan serta meningkatkan risiko kuota tidak dimanfaatkan secara optimum.

Justeru, persoalannya bukan sama ada pendaftaran haji perlu dipermudah atau diperketat, tetapi bagaimana memastikan mereka yang berada dalam senarai menunggu mempunyai laluan munasabah untuk menyahut panggilan haji apabila tiba giliran.

Reformasi ini bukan bertujuan menafikan keutamaan mereka yang mendaftar lebih awal, sebaliknya memastikan keutamaan itu seiring dengan usaha berterusan membina kemampuan.

Reformasi sistem giliran haji bukanlah keputusan yang dibuat secara mendadak. Keperluan menilai semula syarat pendaftaran dibangkitkan Suruhanjaya Siasatan Diraja Tabung Haji (RCI) selepas meneliti masalah jumlah simpanan minimum, kos sebenar haji dan tempoh menunggu semakin panjang.

RCI berpandangan syarat simpanan RM1,300 tidak lagi selaras dengan realiti semasa. RCI mengesyorkan kelayakan pendaftaran ditentukan berdasarkan tahap simpanan lebih hampir dengan kos menunaikan haji.

Langkah ini dijangka menghasilkan senarai menunggu lebih mencerminkan tahap persediaan bakal haji dan menyokong pengurusan kuota yang lebih cekap. Syor itu menjadi antara asas kepada pengenalan Seruan Istito'ah.

Menerusi pendekatan baharu ini, pendeposit mempunyai simpanan minimum RM15,000 akan memperoleh kelayakan giliran secara automatik. Jumlah itu bersamaan kira-kira 45 peratus daripada kos haji semasa.

Walaupun begitu, simpanan minimum RM15,000 bukan ukuran mutlak istito'ah, tetapi penanda aras pentadbiran bagi menentukan kelayakan memasuki sistem giliran.

MYRESIPI



RESIPI 37 minit yang lepas

Puding Batik Biskut Marie Berlapis Coklat, Buat Malam Ini Esok Pagi Dah Boleh Makan!



RESIPI sejam yang lepas

Ayam Kukus Halia Simple, Gaul Semua Bahan & Kukus 20 Minit Saja, Memang Mudah!



RESIPI 2 jam yang lepas

Resipi Pari Asam Pedas Dengan Sentuhan Jintan Manis, Sekali Hirup Tak Pandang Lauk Lain!



RESIPI 3 jam yang lepas

Arwah Tak Mahu Ilmunya Hilang, Sanggup Ajar Jiran Buat Kuih Bakar Pandan Bijan Ini



INFORMASI Okt 28, 2026 @ 4:22pm


3 Jenis Tepung Yang Biasa Digunakan Untuk Buat Muruku, Baru Tahu Ada Fungsi Berbeza!

SEISMIK



17 jam yang lepas

Ratusan Penduduk Serbu Pantai Rusila, Ambil Peluang Kutip Kerang Terdampar...




17 jam yang lepas

Pengguna Komuter Boleh Tebus Subsidi RM30 Sebulan, Ini Syarat Penting Yang...

18 jam yang lepas

Bukan Makanan Sahaja! Ini Sebab Anda Wajib Singgah Zon foodpanda Kat KJH!



19 jam yang lepas

Pelajar Tingkatan Enam Bakal Terima Elaun RM2,500 Mulai Tahun Depan –...



19 jam yang lepas

560 Stesen Petron Cipta Rekod Malaysia, Raih Penarafan Tandas Bertaraf 4 &...

OHBULAN!



SELEBRITI 13 minit yang lepas

[VIDEO] Rizky Febian Pujuk Mahalini, Mahu Rakam Semula Lagu Sisa Rasa Versi...




SELEBRITI 2 jam yang lepas

[VIDEO] Nora Danish Anggap Pelawaan Madu Mencuit Hati – 'Mungkin Wanita Itu...



KINI TRENDING 2 jam yang lepas

Fedtri Yahya Tegur Individu Kecewa Terima 'Salam Kaut' Sedikit – 'Takut Zaman...



SELEBRITI 3 jam yang lepas


Netizen Persoal Berbaloi Atau Tidak Kelas Agama Anjuran Neelofa Harga RM850,...



SELEBRITI 4 jam yang lepas

[VIDEO] Hidup Ziana Zain Masih Sama Walaupun Bergelar Datuk – 'Yang Penting...

WAKTU SOLAT MALAYSIA



ILMU & INSPIRASI ISLAM sejam yang lepas

Kematian Tidak Mengenal Usia, Ini 5 Amalan Harian Sebagai Persediaan Menuju...



HUKUM sejam yang lepas

Peluk Anjing Atas Alasan Pencinta Haiwan, Boleh Ke? UAI Jelaskan Hukum...



HUKUM 5 jam yang lepas

Tersentuh Kemaluan Ketika Mandi Wajib, Perlu Wuduk Semula Untuk Tunaikan Solat?...

Pada peringkat individu, istito'ah menuntut persediaan dibina melalui disiplin menyimpan, perancangan kewangan berhemah dan iltizam berterusan.

Dengan mengambil kira persediaan itu, sistem giliran terkini menzahirkan kesinambungan semula operasi pengurusan haji dengan prinsip kemampuan mendasari kewajipannya.

Pada peringkat pentadbiran pula, prinsip sama menuntut kuota haji terbatas diuruskan secara adil, cekap dan beramanah.

Bina kemampuan sahut tawaran

Justeru, Seruan Istito'ah bukan sekadar perubahan prosedur, tetapi usaha menyelaraskan pengurusan kuota dengan prinsip syariah, tuntutan kecekapan dan realiti semasa.

Kebimbangan syarat baharu ini boleh menjejaskan golongan berpendapatan rendah tidak wajar diketepikan. Namun, keadilan tidak hanya bererti memudahkan seseorang memperoleh nombor giliran.

Dalam kerangka maqasid syariah, keadilan juga menuntut sistem membantu bakal haji membina kemampuan untuk menyahut tawaran apabila tiba masanya.

Atas pertimbangan itu, TH memberikan tempoh sehingga 31 Disember 2028 kepada pendeposit mendaftar di bawah syarat terdahulu untuk mencapai simpanan minimum RM15,000 dan mengekalkan kelayakan giliran.

Kemudahan Multi Tabung pula membolehkan tabungan khusus untuk haji diasingkan daripada simpanan bagi keperluan lain, sekali gus membantu pendeposit merancang kewangan secara lebih teratur.

Bagaimanapun, pelaksanaan reformasi ini perlu terus mengambil kira perubahan kos sara hidup, kemampuan isi rumah dan tempoh munasabah untuk menabung.


Perbahasan mengenai Seruan Istito'ah tidak seharusnya berkisar pada angka RM15,000 semata-mata, tetapi menyentuh asas membentuk sistem giliran haji.

Dalam keadaan kos meningkat, kuota terbatas dan permintaan kian bertambah, keutamaan berdasarkan tarikh pendaftaran perlu diseimbangkan dengan kemampuan untuk menunaikan haji apabila tiba giliran.

Jika kewajipan haji terikat pada istito'ah, maka sistem menguruskan perjalanan ke arah penyempurnaan juga wajar berteraskan prinsip sama.

Reformasi ini mungkin tidak menyelesaikan setiap persoalan serta-merta, tetapi membuka jalan ke arah sistem lebih berpijak pada realiti, cekap menguruskan kuota dan selaras syariah.

Mohamed Hadi ialah Penasihat Syariah Bertauliah dan Perancang Kewangan Islam, manakala Mohd Zaidi Penolong Profesor di Institut Perbankan dan Kewangan Islam, Universiti Islam Antarabangsa



3,581 kes dera kanak-kanak direkodkan pada 2026

▶ 0:56

Perkongsian Fasha, Elisya cetus tanda tanya

▶ 0:37

PN m
kerja
Mela

▶ 2:

BERITA BERKAITAN



NASIONAL Sep 21, 2026 @ 12:22pm

Seruan Istito'ah: Giliran haji dipendekkan daripada 147 kepada 68 tahun - TH



NASIONAL Sep 21, 2026 @ 11:49am

Tiada pengecualian syarat simpanan minimum RM15,000 untuk warga emas, B40 – TH



NASIONAL Sep 20, 2026 @ 8:27am

80 peratus pendeposit TH miliki simpanan kurang RM15,000



AGAMA Sep 18, 2026 @ 8:15am

Istito'ah dipenuhi, jemputan ke Makkah bukan di tangan manusia

BH ONLINE

IKUTI KAMI DI:

BH MOBILE Download on the App Store GET IT ON Google Play

BH ePaper Download on the App Store GET IT ON Google Play

BERITA
BHPLUS
Nasional
Kes
Politik
Pendidikan
Wilayah

SUKAN
BHOK
DUNIA
HIBURAN
BISNES
RENCANA
WANITA
HUJUNG MINGGU

MULTIMEDIA
Foto
BHTV
Infografik

LANGGAN
Akhbar Digital
Akhbar BH

PERKHIDMATAN
Iklan Web
1Klassifieds
NSTP KLiK

RADIO
Dapatkan Audio+
Hot FM
KOOL 101
Fly FM
Eight FM
Molek FM

2026 © BH, New Straits Times Press (M) Bhd (Co. No. 196101000449 / 4485 H). A part of Media Prima Group
Redaksi Disclaimer Notis Perlindungan Data Peribadi